

22 SEP 1997

Soros

MENGENAL GEORGE SOROS

Oleh: Azman Ujang

HONG KONG, Sept 22 (Bernama) -- Setengah jam sebelum sidang berita spekulator mata wang George Soros bermula semalam, bilik itu telahpun dipenuhi oleh wakil media dari seluruh dunia.

Walupun begitu tidak semua dari 2,000 wartawan dan jurufoto yang ditugaskan membuat liputan mesyuarat tahunan Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) di sini dapat menghadiri acara itu.

Hanya hampir 400 dari mereka berjaya berbuat demikian melalui satu kupon khas yang dikeluarkan oleh IMF yang disambar lebih pantas dari kek panas.

Soros agak terlewat datang ke sidang berita itu yang dijadualkan pada pukul 7.15 petang, tetapi, sudah tentu, tidak ada yang merungut. Melihat dari wajah mereka, tidak syak lagi bahawa setiap seorang wartawan itu berharap untuk menjadikannya cerita muka depan.

Ketika Soros berjalan masuk, apa yang ketara ialah parasnya yang mirip dengan seorang lagi rakyat pendatang Amerika yang terkenal, Dr Henry Kissinger. Hanya bekas Setiausaha Negara AS kelahiran Jerman itu lebih besar darinya.

Soros, 67, dilahirkan di Hungary dan berhijrah ke AS pada tahun 1956 ketika berusia 26 tahun.

Walaupun Soros dijemput oleh Bank Dunia sebelum itu untuk menyampaikan ceramah mengenai Integrasi Global, beliau mengubah tema itu sejurus selepas mengambil mikrofon di sidang berita itu.

Ketika memulakan sidang berita itu, beliau terus bercakap mengenai kontroversi yang meliputi tuduhan terhadapnya oleh Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sejak Dr Mahathir memanggilnya moron, spekulator penyangak, penjenayah dan lain-lain kerana menyerang mata wang Asia, nama Soros telah menjadi buah mulut di Malaysia, sebuah negara yang sebelum ini tidak pernah mendengar namanya.

Beliau menggunakan perkataan-perkataan yang hampir sama kerasnya dalam mempertahankan dirinya terhadap apa yang disifatkannya sebagai "tuduhan palsu yang berniat jahat" dari Perdana Menteri, dan berkata beliau telah dijadikan sebagai "scapegoat (orang yang dicari untuk disalahkan)" kerana menyebabkan ringgit jatuh dan untuk "menutup" kegagalan Malaysia sendiri.

Beliau mempersalahkan "agenda Dr Mahathir memperjuangkan nilai-nilai Asia" yang beliau dakwa bertentangan dengan falsafah masyarakat global terbukanya.

Para wartawan suka sangat dengan ini dan perang mulut antara Soros dan Dr Mahathir semakin menjadi.

Tepat sekali, kerana menurut maklum balas yang didapati dari pusat akhbar di Pusat Persidangan dan Pameran Hong Kong di mana kedua-dua mesyuarat itu diadakan, serang balas Soros itu menjadi bahan muka depan akhbar-akhbar di seluruh dunia hari ini.

Dr Mahathir juga bercakap pada seminar yang sama sehari sebelum itu dan sehingga saat-saat akhir ramai yang masih berharap kedua-duanya akan bertemu antara satu dengan lain. Tetapi itu tidak terjadi.

Tetapi, menurut sumber Ban Dunia, Dr Mahathir dan Soros telah dijemput ke seminar itu lama sebelum kemelut mata wang bermula pada bulan Julai lepas.

Dengan lain perkataan, jemputan itu tidak ada kena mengena dengan kontroversi itu dan bahawa kedua-duanya dijemput untuk memberi ucapan utama

di atas kewibawaan masing-masing.

Media barat, majalah Time umpamanya, yang memuatkan cerita mengenai Soros di kulit muka depan, memaparkan bilioner itu sebagai seorang dermawan.

Menurut Time, tahun lepas berbagai yayasan Soros telah menderma sejumlah AS\$360 juta untuk berbagai projek di seluruh dunia, dan bahawa ada negara-negara yang menerima lebih dari kerajaan AS sendiri.

Inilah orangnya yang Perdana Menteri sebut sebagai yang sebenarnya merompak dari mereka yang miskin di Malaysia dan negara-negara lain untuk diberi kepada spekulator yang kaya yang mendapat hasil dengan menyerang pasaran mata wang.

Pada sidang berita itu, Soros sedar mengenai tanggapan ini terhadapnya di Malaysia. Sebagai tindak balas, beliau mengeluarkan kenyataan yang boleh dianggap sebagai paling provokatif dan terancang.

"Saya ingin melahirkan rasa simpati saya terhadap rakyat Malaysia yang malang akibat kejatuhan ringgit, tetapi saya tidak ada simpati untuk Dr Mahathir," katanya.

Tetapi pada satu temubual yang disiarkan hari ini oleh Asia Business News (ABN), rangkaian televisyen yang berpangkalan di Singapura, Soros berkata beliau tidak berniat untuk meneruskan perang mulut dengan Dr Mahathir.

"Tetapi apabila saya diserang sebagaimana saya diserang dalam akhbar Malaysia, saya terpaksa bertindak balas dan memberitahu yang sebenar dan fakta-fakta," katanya.

Sebagaimana yang dijangka, Soros tidak bersetuju dengan cadangan Dr Mahathir supaya perdagangan mata wang diharamkan. Alasannya mudah sahaja -- Sekiranya ini dilakukan beliau akan terpaksa menghentikan perniagaannya.

Walaupun seorang yang tenang, Soros seperti mahu mengelak apabila ditanya oleh ABN apa kebaikan yang dilakukan oleh spekulator matawang sepertinya terhadap Asia Tenggara.

Beliau setakat berkata: "Saya fikir pasaran telah melakukan banyak kebaikan. Saya juga berpendapat pasaran-pasaran kerap kali tersasul, tidak rasional dan saya sendiri adalah seorang pengkritik pasaran."

Walau apapun, Kontroversi Mahathir-Soros telah menenggelamkan mesyuarat tahunan Bank Dunia dan IMF yang biasanya lembab itu yang selalunya membincangkan topik-topik yang membosankan seperti bantuan hutang, deregulasi kewangan, kebuluruan di Afrika dan lain-lain. -- BERNAMA

AU WAT RON